


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 MAC 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Rang undang-undang iktiraf profesion juruteknik tidak lama lagi	Bernama.com
2	Juruteknik bakal diiktiraf sebagai profesional	BH Online
3	Bioalpha eyes RM20m from listing	News Straits Times
4	Bioalpha to unlock its potential in retailing	The Star
5	Bintang Suram	Harian Metro
6	Gotong-royong buka tirai Jom Heboh 2015	Berita Harian

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 27 MAC 2015 (JUMAAT)



Rang Undang-undang Iktiraf Profesional Juruteknik Tidak Lama Lagi

ARAU, 26 Mac (Bernama) -- Juruteknik yang memberi perkhidmatan dalam bidang teknologi dan teknikal bakal diiktiraf sebagai golongan profesional apabila Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 diluluskan di Parlimen tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya berkata golongan juruteknik akan diiktiraf sebagai teknologis profesional dan juruteknik bertaualah mengikut kelayakan masing-masing. Katanya, rang undang-undang itu kini di peringkat perbahasan di Dewan Negara.

Beliau berkata selepas kelulusan rang undang-undang itu, juruteknik perlu mendapatkan pendaftaran dan pentaulahan daripada Lembaga Teknologi Malaysia yang bakal ditubuhkan di bawah undang-undang itu.

"Juruteknik kemudian boleh mendapatkan pengiktirafan sebagai ahli profesional sama seperti jurutera yang menggunakan gelaran Ir.," katanya kepada pemberita selepas menutup Pameran 'IProPEx 2015' di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) di sini pada Khamis.

Mohd Azhar mewakili Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah pada pameran inovasi dan pembentangan projek tersebut. Beliau berkata pengiktirafan golongan juruteknik adalah kerana mereka ini merupakan nadi penggerak dalam sektor industri.

Menurutnya jumlah juruteknik di negara ini dijangka mencecah 1.6 hingga 1.7 juta orang atau kira-kira 50 peratus daripada jumlah 3.3 juta pekerja berkemahiran tinggi yang disasarkan menjelang 2020.

Sementara itu, Abu Bakar menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Mohd Azhar, berkata Malaysia perlu bersiapsiaga supaya lebih berdaya saing dan kompetitif bagi menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

"Status hari ini menunjukkan Malaysia mempunyai 25.5 peratus sahaja pekerja berkemahiran tinggi daripada 12.7 juta pekerja. Jumlah pekerja berkemahiran tinggi perlu ditingkatkan kepada 50 peratus daripada jumlah tenaga pekerja menjelang 2020," katanya.

Abu Bakar berkata Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menekankan penghasilan graduan-graduan berkemahiran tinggi dan dalam hubungan ini politeknik diberi peranan penting dalam pencapaian rancangan itu.

IProPEx 2015 selama dua hari itu disertai 379 pelajar dengan pembentangan 110 projek.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN ONLINE (<http://www.bharian.com.my>)
TARIKH : 27 MAC 2015 (JUMAAT)



Juruteknik bakal diiktiraf sebagai profesional

ARAU: Juruteknik yang memberi perkhidmatan dalam bidang teknologi dan teknikal bakal diiktiraf sebagai golongan profesional apabila Rang Undang-Undang Teknologi dan Juruteknik 2014 diluluskan di Parlimen tidak lama lagi.

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Mohd Azhar Yahaya berkata golongan juruteknik akan diiktiraf sebagai teknologis profesional dan juruteknik bertauliah mengikut kelayakan masing-masing.

Katanya, rang undang-undang itu kini di peringkat perbahasan di Dewan Negara.

Beliau berkata selepas kelulusan rang undang-undang itu, juruteknik perlu mendapatkan pendaftaran dan petaulahan daripada Lembaga Teknologi Malaysia yang bakal ditubuhkan di bawah undang-undang itu.

"Juruteknik kemudian boleh mendapatkan pengiktirafan sebagai ahli profesional sama seperti jurutera yang menggunakan gelaran Ir," katanya selepas menutup Pameran 'IProPEX 2015' di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) di sini hari ini.

Mohd Azhar mewakili Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah pada pameran inovasi dan pembentangan projek itu.

Beliau berkata pengiktirafan golongan juruteknik adalah kerana mereka adalah nadi penggerak dalam sektor industri.

Jumlah juruteknik di negara ini dijangka mencecah 1.6 hingga 1.7 juta orang atau kira-kira 50 peratus daripada jumlah 3.3 juta pekerja berkemahiran tinggi yang disasarkan menjelang 2020.

Sementara itu, Abu Bakar menerusi teks ucapan yang dibacakan oleh Mohd Azhar, berkata Malaysia perlu bersiapsiaga supaya lebih berdaya saing dan kompetitif bagi menjana ekonomi berpendapatan tinggi.

"Status hari ini menunjukkan Malaysia mempunyai 25.5 peratus saja pekerja berkemahiran tinggi daripada 12.7 juta pekerja. Jumlah pekerja berkemahiran tinggi perlu ditingkatkan kepada 50 peratus daripada jumlah tenaga pekerja menjelang 2020," katanya.

Abu Bakar berkata Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia menekankan penghasilan graduan-graduan berkemahiran tinggi dan dalam hubungan ini politeknik diberi peranan penting dalam pencapaian rancangan itu.

IProPex 2015 selama dua hari itu disertai 379 pelajar dengan pembentangan 110 projek.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
NEWS STRAIT TIMES (BIENES) : MUKA SURAT B6
TARIKH: 27 MAC 2015 (JUMAAT)**



Bioalpha eyes RM20m from listing

KUALA LUMPUR: Health supplement company Bioalpha Holdings Bhd, en route to Bursa Malaysia's ACE Market listing, is looking to raise RM20 million from its initial public offering (IPO).

"At Desaru and Pasir Raja, we've planted local herbs such as roselle, kacip fatimah and misai kucing. Additionally, we have two factories in Semenyih and Bangi to process these herbs," said managing director-cum-chief executive officer William Hon Kok Tian.

"Our herb garden, of which we contract out to farmers in the East Coast Economic Region (ECER), also supplies raw materials to other health supplement manufacturers," he said.

"As an integrated player, Bioalpha had, last year, set up a flagship pharmacy brandnamed Life Springs at Solaris Mont Kiara," Hon said after the launch of Bioalpha's IPO prospectus, here, yesterday.

This is a follow-up after the National Co-operative Movement of Malaysia or Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) signed on with Bioalpha to establish a pharmacy franchise scheme.

Hon said Bioalpha is the master licensor and the collaboration allows for Angkasa cooperative members to be entrepreneurs via franchising to operate Life Springs pharmacies. The franchise cost for each outlet is estimated at RM750,000.

For the year ended September 2013, Bioalpha posted a net profit of RM6.3 million on the back of RM24.5 million revenue. He said the health supplements industry is recession-proof, adding that Bioalpha's natural and traditional health supplements appeal to the middle-income consumer market.

Bioalpha's IPO involves 100 million new shares of five sen each at an issue price of 20 sen per share pay. They comprise 20 million shares available for application by the public and 80 million shares by way of placement to selected investors.

Out of the RM20 million to be raised from the IPO, RM3 million will be used for research and development and another RM3 million as capital expenditure for its new processing plant in Pasir Raja, Terengganu.

The rest of the IPO proceeds will go to repaying bank borrowings and working capital to finance business expansion.

Hon, the single largest shareholder in the company, will continue to hold 26.35 per cent stake after the IPO. The other two major shareholders, Malaysia Technology Development Corp and Perbadanan Nasional Bhd, will hold 17.57 per cent and 22.74 per cent, respectively.

IPOWATCH

Bioalpha to unlock its potential in retailing

By SHARIDAN M. ALI

sharidan@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Bioalpha Holdings Bhd, a health supplements company that will make its debut on the ACE Market of Bursa Malaysia on April 14, plans to fully unlock its retail potential to market its products both locally and overseas.

Executive director Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamad Tahir said the company was banking on its fully integrated operations from herb farming and production of goods to retail, where it would be protected from the usual market fluctuation of sourcing raw materials.

"We already have an array of inhouse brands, and now, it's a matter of further promoting them through distribution in the retail pharmacies.

"We are now entering the Middle-East market through our agreement with Fatima

Group as our exclusive distributor there," he told reporters after the launch of the company's prospectus yesterday by Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) secretary-general Datuk Seri Dr Noorul Ainur Mohd Nur.

"This is the second non-Asian market after Australia we intend to penetrate, and we have the added advantage of halal-certified products," he said.

Additionally, Bioalpha is also an original design manufacturer serving multinational clients with health products available in local pharmacies.

Bioalpha's initial public offering (IPO) involves an offer of 100 million new ordinary shares at an issue price of 20 sen per share, comprising 20 million shares available for application by the public and 80 million shares by way of placement.

Bioalpha aims to raise RM20mil from the IPO, a major portion of which will be used for

research and development (R&D) expenditure, capital expenditure (capex), repayment of bank borrowings, as well as working capital to finance business expansion and enhance growth strategies.

The company has earmarked a capex of RM3mil to set up a herb-processing plant in Pasir Raja, Terengganu.

Some of the R&D fund will be for upgrading laboratory facilities as well as the development of fermentation processes for four new medicinal mushroom strains.

Bioalpha is expected to have a market capitalisation of about RM92.7mil upon listing.

Meanwhile, Mosti Minister Datuk Dr Ewon Ebin, in his speech read by Noorul said the listing of Bioalpha was crucial as the company had been identified as an anchor company under the Entry Point Project 1 to realise the country's goal in making the herbal product industry a prime candidate to drive the bio-economy.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 50
TARIKH: 27 MAC 2015 (JUMAAT)**

■ Keindahan panorama langit malam dikhawatir pupus akibat pencemaran cahaya berlebihan

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my
Kuala Lumpur

T iada lagi peluang untuk melihat Bima Sakti secara terus di ranjang mata kasar di Malaysia kerana terlalu banyak pencemaran cahaya di negara ini sehingga menjadikan peluang melihat panorama indah langit pada waktu malam.

Pegawai Sains, Bahagian Pendidikan Sains Angkasa Jong Tze Kian berkata, ia berpunca daripada sikap masyarakat yang tidak menggunakan cahaya dengan betul, sebaliknya dibazirkan untuk pencahaayaan bukan semula jadi seperti lampu rumah, papan tanda, selain kegunaan pada bangunan.

FAKTA
Terdapat tiga kategori pencemaran cahaya iaitu silau, cahaya melangkap, sempadan dan pencahaayaan langit

"Bukan saja 'rugi' kerana tidak dapat melihat pemandangan indah alam semesta, kita juga berdepan pelbagai kesan sampingan kepada kesihatan iaitu kemurungan, tekanan selain pendedahan kepada cahaya yang terlalu lama melemahkan sistem fizikal badan," katanya.

Jong berkata, kajian menunjukkan pencemaran cahaya perlu dibendung supaya generasi akan datang berpeluang memikmati keindahan langit pada waktu malam, selain meningkatkan mutu kesihatan orang ramai.

Katanya, kajian menunjukkan pencemaran yang berlaku menyukarkan penduduk negara ini melihat bintang pada waktu malam kerana terdapat cahaya 'tidak sepatutnya' yang dihasilkan dari bahawa.

"Terlalu banyak cahaya yang kita gunakan secara tidak terkawal menyebabkan berlakunya pencahayaan berlebihan. Misalnya lampu jalan dan rumah secara tidak dikawal. Akibatnya kita tidak dapat melihat panorama di langit kerana gangguan cahaya ini.

"Lebih teruk lagi apabila ia mengganggu cerapan bin



tang dilakukan ahli astronomi sehingga menyebabkan kita tidak dapat keputusan kajian yang tepat," katanya ketika ditemui Harian Metro.

Jong berkata, terdapat tiga kategori pencemaran cahaya iaitu silau, cahaya melangkap, sempadan dan pencahaayaan langit.

liar serta keselamatan.

"Ramai tidak menyedari mereka terdedah kepada risiko kencing manis dan kanker akibat pencahaayaan tidak efektif. Ramai juga yang tidak tahu teknik pencahaayaan yang salah mengundang risiko kecurian di rumah.

"Jika kita memasang lampu terlalu terang, ia menyebabkan silau dan kita tidak nampak kehadiran orang

JONG
menunjukkan fenomena Bima Sakti.

ANTARA fenomena Bima Sakti di langit.

asing di rumah kita dan itu menyebabkan haiwan hilang kawalan terhadap sistem navigasi dan mengganggu sistem kitaran mereka," katanya.

"Dari aspek ekosistem, ia

menyebabkan haiwan hilang kawalan terhadap sistem navigasi dan mengganggu sistem kitaran mereka," katanya.

Gotong-royong buka tirai Jom Heboh 2015

» Aktiviti CSR dimula dengan bersih masjid oleh kakitangan MPB, penduduk

Oleh Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

► Melaka

Aktiviti kebajikan dan kesedaran masyarakat akan membuka tirai Karnival Jom Heboh 2015 yang berlangsung di pekarangan Stadium Hang Jebat, Krubong, di sini, hari ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima Berhad (MPB), Ahmad Izham Omar, berkata aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR) itu akan diadakan di Masjid Ar-Rabbani, Kampung Tangga Batu Pekan, jam 8.30 pagi ini.

Katanya, program dimulakan



Ahmad Izham

dengan gotong-royong membersihkan masjid oleh kakitangan MPB, penduduk serta agensi kerajaan negeri, disusuli sesi ramah mesra bersama artis dan majlis perasmian oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang juga Ahli Parlimen Tangga Batu, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah.

Turut diatur, katanya, sesi motivasi bersama finalis program Da'i Musim Kedua, sesi ber-

sama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), bengkel pengjagaan gigi, penerangan dan demonstrasi memadam kebakaran oleh bomba serta penyerahan sumbangan kepada Rumah Anak Yatim Sultan Abdul Aziz Shah, Pantai Puteri.

Karnival sehingga Ahad

“Pada sebelah pagi, perlawanan persahabatan badminton di antara kerajaan negeri dan MPB akan diadakan di Pusat Belia dan Sukan Stadium Hang Jebat yang akan disertai Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron dan isteri, Datin Seri Fadilah Abdullah,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Karnival sehingga Ahad ini, menyaksikan lebih banyak aktiviti kekeluargaan disediakan kepada pengunjung, selain penampilan personaliti dan artis terkenal seperti Mas Idayu, Dayang Nurfaizah dan One Nation Emcees. Program akan dirasmikan oleh EXCO Komunikasi dan Kooperasi negeri, Datuk Wira Latiff Tamby Chik jam 8 malam esok.